

Kejayaan Yang Dinanti Nur Akilah binti Saadun

Anis, gadis berusia 17 tahun. Bersekolah di salah sebuah sekolah berasrama penuh di Johor. Memulakan alam persekolahan di Sekolah Menengah Sains Muar setahun yang lalu. Segala-gala yang dilalui amat berbeza sekali berbanding dengan saat kehidupannya sebelum ini. Kalau diikutkan hatinya, ingin sahaja dia meninggalkan sekolah itu dan kembali ke sekolah lamanya. Namun, hatinya berubah apabila terkenangkan wajah ayah dan ibu, penat lelah, harapan dan impian mereka yang tinggi menggunung untuk melihatnya berjaya.

“Anis..., mengapa termenung? Jom kita ke makmal kimia. Cikgu Awanis sedang menunggu.” Ujar Dahlia, rakan sekelas Anis.

“Tak mengapalah. Awak pergilah dahulu. Saya akan menyusul kemudian.” Balas Anis.

Dahlia berlalu tanpa sebarang kata.

Begitulah kehidupan Anis sehari-hari. Dia kerap mengelakkan diri daripada rakan-rakannya. Bukan kerana dia malu atau sombong, tetapi kerana apa yang pernah dilaluinya semasa di tingkatan empat dahulu telah memberi impak besar kepada hati dan perasaannya. Dia pernah dilukai dan perasaannya pernah dipermainkan oleh rakan karibnya sendiri. Anis juga sering merasakan dirinya sering dipulaukan oleh teman-teman sebiliknya. Pernah juga berlaku peristiwa dimana Anis mendapat

tahu rakan karibnya telah menikamnya dari belakang akibat rasa cemburu dan hasad dengki.

“Apa salah aku pada kamu semua? Sanggup kamu buat aku begini. Selama ini aku sudah mencuba yang terbaik untuk buat kamu semua gembira. Apa yang tak cukup lagi?”. Pekik Anis pada suatu perjumpaan khas yang diadakan di antara dia dan rakan-rakan sebiliknya pada suatu malam.

Suasana bertukar menjadi hening dan sepi. Anis tidak dapat menahan rasa sedih dan sebak yang ditanggungnya selama ini. Dia amat kecewa apabila mendapat tahu bahawa rakan karibnya sendiri telah mencemarkan nama baiknya dengan menyebarkan fitnah yang mengatakan dia sedang dilamun cinta dengan salah seorang pelajar lelaki tingkatan empat dan mereka kerap berjumpa pada waktu malam di tempat-tempat sunyi. Bagi Anis, tahap kesabarannya juga ada hadnya. Fitnah yang telah tersebar ini juga telah menyebabkan dia dipandang serong oleh rakan-rakan, guru-guru, juga para naqibah di sekolahnya.

“Anis.” Tegus cikgu Kamala, guru kaunseling di sekolahnya. Guru inilah yang menjadi tempat mengadu segala kesedihan diri dan tidak dapat dinafikan bahawa guru ini jugalah yang banyak membantunya dari aspek fizikal dan mental serta sering memberinya kata-kata sokongan dan dorongan untuk menempuh hidup di sini. Anis membalas sapaan gurunya itu dengan sekuntum senyuman yang manis.

“Awak perlu banyak bersabar. Semua itu hanya dugaan Tuhan. Lagipun peperiksaan SPM sudah semakin

dekat dan awak tidak sepatutnya memeningkan kepala dengan memikirkan perkara-perkara seperti ini. *Just leave the thing like that. It's that okay?*” Ujar cikgu Kamala. Sesungguhnya tidak dapat dinafikan bahawa peperiksaan SPM hanya tinggal beberapa bulan sahaja lagi. Setelah puas berfikir, Anis mengambil keputusan untuk melupakan sahaja persengketaan di antara dia dan teman-teman sebilikinya. Bagi Anis, apa yang penting sekarang ini hanyalah memantapkan lagi pencapaiannya menghadapi peperiksaan SPM dan memenuhi segala impian dan hajat kedua orang tua yang amat disayangnya.

“Congratulation Anis! I know you can do it.” Ujar cikgu Kamala membuatkan lamunannya terhenti. Dengan pantas dia mendakap cikgu Kamala dan dengan serta-merta air matanya mengalir pantas. Kedua ibu bapa Anis menghampirinya dan turut memeluk anak tunggal mereka itu. Mereka amat bersyukur di atas kejayaan Anis yang cemerlang dalam peperiksaan SPM yang diduduki beberapa bulan yang lepas. Bibir Anis tidak lekang daripada memanjatkan kesyukuran dan ucapan Alhamdulillah tidak pernah dilupakannya.

Beberapa minit kemudian, Anis terpandang akan beberapa pasang mata yang sedang memandangnya dari jauh. Dengan perlahan Anis berjalan merapati mereka. Rupa-rupanya mereka adalah rakan-rakan sebilikinya dahulu. Belum sempat Anis menuturkan kata-kata, rakan-rakannya terlebih dahulu memeluknya dan air mata tidak berhenti mengalir daripada kelopak mata mereka. Mereka telah sedar akan kesilapan dan

kesalahan mereka terhadap Anis suatu masa dahulu dan kini mereka telah insaf. Mereka mengucapkan terima kasih kepada Anis kerana tidak pernah terfikir untuk membalas dendam dan mengambil tindakan terhadap mereka. Anis bersyukur kerana rakan-rakannya telah sedar akan kesilapan masing-masing. Alhamdulillah, mereka juga memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan SPM dan sebelum berpisah, mereka mengambil gambar bersama-sama Anis sebagai tanda kenangan.